

**KAJIAN PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN SESAK DI DALAM KAWASAN
MAJLIS PERBANDARAN MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH
(KAMPUNG JAWA)**

Oleh
NOOR AIN AINI JAMIAH BTE JALIL

**Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan Dan Ukur
Institut Teknologi Mara
Shah Alam**

Oktober 1997

ABSTRAK

Pembangunan semula kawasan sesak merupakan satu tindakan yang penting bagi memastikan wujudnya pembangunan yang seimbang di dalam sesuatu kawasan terutama di dalam kawasan pusat bandar. Dengan kewujudan implikasi seperti ini, gambaran dan imej yang buruk terhadap kawasan tersebut akan dapat dilihat. Oleh itu sebagai pelajar dalam bidang perancangan bandar adalah perlu kajian ini dilakukan bagi mengatasi masalah kawasan sesak yang wujud.

Sebelum sebarang kajian dijalankan, adalah penting bagi pengkaji memahami tajuk yang telah dipilih untuk kajian akhir ini. Pengkaji perlulah mengenalpasti isu serta masalah yang wujud di kawasan kajian dan seterusnya menentukan matlamat dan tujuan kajian ini dilakukan. Dalam peringkat ini pemilihan kawasan kajian adalah penting dalam memastikan kawasan yang dipilih mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki.

Bagi mendalami kajian yang dijalankan, adalah perlu pengkaji memahami definisi serta ciri-ciri sebenar kawasan sesak atau juga dipanggil sebagai ' slums area '. Setelah memahami definisi, ciri-ciri kawasan sesak dan pemilihan kawasan kajian yang telah dibuat barulah pengkaji mengenalpasti kawasan yang dipilih seperti lokasi, latarbelakang dan corak gunatanah sedia ada kawasan kajian bagi memudahkan pengkaji menjalankan kajiselidik yang akan dilakukan.

Di peringkat kajiselidik, untuk memperolehi maklumat di kawasan kajian pengkaji menggunakan kaedah pengamatan dan soal selidik. Maklumat dan data-data yang diperolehi dipersembahkan di dalam bentuk jadual. Setelah itu, barulah penemuan mengenai kawasan kajian dapat dikesan. Dengan adanya penemuan kawasan kajian maka ia dapat memudahkan pengkaji mengenalpasti keadaan sebenar kawasan kajian.

Di peringkat akhir, pengkaji akan mengemukakan cadangan-cadangan bagi mengatasi isu dan masalah yang timbul di dalam kawasan kajian berdasarkan kepada kajiselidik yang telah dilakukan. Dengan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan ini, diharap ia akan dapat mengatasi masalah yang wujud serta memberi perancangan yang lebih terancang di kawasan kajian.

PENGHARGAAN

Bersyukur kepada hadrat Illahi, dengan limpah luahnya dapat pengkaji menghabiskan kajian akhir bagi peringkat Diploma Perancangan Bandar Dan Wilayah dengan jayanya setelah menempuh pelbagai dugaan dan halangan. Namun dengan ketabahan serta kecekalan di hati akhirnya dapat jua pengkaji menyelesaikan apa yang telah diamanatkan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah, Institut Teknologi Mara, Shah Alam.

Setinggi-tinggi terima kasih dan sekalung budi diucapkan kepada penyelia kajian akhir " Encik Yusuf bin Ismail ". Dengan bantuan beliau dan tunjuk ajar yang diberi dengan bersungguh-sungguh dalam menolong pengkaji menyiapkan kajian ini amat dihargai. Tanpa sokongan beliau pengkaji mungkin di dalam keadaan terumbang-ambing di dalam menyiapkan kajian ini oleh itu terima kasih sekali lagi diucapkan serta jasa beliau akan dikenang sehingga akhir hayat.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) yang turut memberi kerjasama dengan sepenuhnya terutamanya En. Haji Ali bin Abu Hassan. Begitu juga ribuan terima kasih diucapkan kepada kesemua kakitangan MPMBB dan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa yang telah memberi tunjuk ajar kepada pengkaji di dalam menjalankan kajian ini. Kepada penduduk kawasan Kampung Jawa setinggi-tinggi terima kasih

Penghargaan	i
Abstrak	ii
senarai Jadual	iii
Senarai Rajah	iv
Senarai Lampiran	v
Senarai Singkatkata	vi

KANDUNGAN

BAB 1	PENGENALAN	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Kenyataan Masalah	3
1.1.1	Sosial	4
1.1.2	Ekonomi	5
1.1.3	Pengangkutan	6
1.1.4	Persekitaran	7
1.2	Tujuan Dan Objektif	8
1.3	Pemilihan Kawasan	9
1.4	Skop Kajian	10
1.5	Methodologi	11
1.6	Peringkat Kajian	13